

# Sultan Brunei tidak berniat bantu Kelantan

BH - 1 DEC 1990

**KETUA** Kerajaan Brunei Darussalam, Sultan Hassanah Bolkiah, tidak pernah memberi sebarang bentuk bantuan kepada mana-mana parti politik di negara ini dalam pilihanraya umum lalu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, baginda juga tidak berniat sama sekali untuk memberi sebarang bantuan kepada kerajaan Kelantan seperti didakwa oleh sesetengah pihak di negara ini.

"Hal ini dinyatakan oleh baginda sewaktu melawat Malaysia baru-baru ini. Dalam pertemuan saya dengannya, baginda menyatakan bahawa baginda tidak terbabit sama sekali dengan apa-apa jenis bantuan

kepada mana-mana parti, sama ada pembangkang atau kerajaan, dalam pilihanraya lalu.

"Demikian juga baginda tidak berniat sama sekali memberi apa-apa bantuan seperti dinyatakan oleh sesetengah pihak," katanya menjawab soalan pemberita selepas persidangan hari pertama Perhimpunan Agung Umno di sini.

Baru-baru ini, golongan tertentu di negara ini mendakwa Sultan Brunei memberi bantuan kewangan kepada parti pembangkang dalam pilihanraya umum lalu manakala bantuan yang serupa akan diberikan kepada Kerajaan Pas Kelantan.

Kepada satu soalan lain, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak akan mengam-

bil tindakan terhadap akhbar-akhbar Cina yang menyokong apa yang dikatakan sistem dua parti dalam pilihanraya umum lalu.

"Tindakan di negara ini bukan atas kebebasan akhbar. Bagaimanapun, kalau ada unsur-unsur perkauman dan sebarang percubaan bagi mengapiakan perasaan perkauman, kita terpaksa menyekat fungsi mereka.

"Akhbar di negara ini bebas. Tetapi kebebasan akhbar di mana-mana juga adalah terhad. Di negara yang dikatakan mengamalkan kebebasan akhbar pun tiada kebebasan sebenarnya kerana sekatan dibuat oleh pengarang, pengiklan dan pihak lain.